

# Pengurusan Persembahan: Pengalaman Peribadi di Belakang Tabir Penerbitan Sitkom *Pi mai Pi Mai Tang Tu*

ABD. GHANI BIN AHMAD

## ABSTRAK

Makalah ini merupakan rakaman pengamalan peribadi di belakang tabir pengurusan sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Akan dikupas faktor-faktor kejayaan sitkom ini berasaskan pemerhatian-pengalaman sepanjang penglibatan penulis sebagai pengurus pentas sitkom tersebut. Fakta-fakta dianalisis berlandaskan lima elemen utama penentu kejayaan sesebuah produksi televisyen iaitu pemilihan idea, pemilihan pelakon, kumpulan produksi, peralatan yang digunakan dan kepuasan penonton. Penekanan diberikan berlandaskan falsafah pengurusan pementasannya. Didapati apa pun kaedah yang digunakan namun kejayaan pengurusan pentas adalah terletak pada disiplin, dedikasi, ketekunan dan komited di kalangan seluruh tenaga produksi. Terbukti seluruh anggota sitkom ini, dari peringkat atas hingga di peringkat bawah, begitu akrab dan hubungan mereka mempunyai *chemistry*. Ini ketara sekali di kalangan pelakonna hinggakn kombinasi pelakonna yang mantap itu ditanggapi oleh para pemerhati sebagai persembahan secara improvisatif. Di samping itu, kekuatannya terletak pada tema, topik dan dialognya. Secara keseluruhannya, sitkom ini dapat bertahan begitu lama dan menjadikan *land-mark* kepada genre persembahan sehingga ke hari ini adalah kerana, selain mengengahkan isu-isu yang menarik, ia dibarisi barisan pelakon yang begitu mantap.

Kata Kunci: Sejarah, Idea, Pelakon, Pengurusan dan Falsafah Pengurusan

## ABSTRACT

This paper is a personal documentation behind the scrim of *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* sitcom's management. Achievement factors would be analysis based on the writer's own personal involvement as the stage manager of the sitcom. The analysis is done upon five major elements that determined the success of television production, namely, the selection of ideas, selection of casting, production group, utilization of instruments and audience satisfaction. The emphasis is on the philosophy of stage management. It is found that what ever method could be used, the success of stage management rely upon discipline, dedication, diligence and commitment among the whole workforce of the

production. It is proven that the whole workforce in this sitcom, from the highest to the lowest levels, had been extremely close and their relationships have *chemistry*. This is obvious among its actors, and their combination of castings are so strong that its observers thought that their performance on the stage has been done improvatively. Beside that, its strong point are its themes, titles and dialogues. As a whole, the reason for this sitcom been scrim on television for a long time and being considered as the *land-mark* for this genre till today is that, other than articulating interesting issues, its actors are all excellent.

Key Words: History, ideas, castings, management and philosophy

## Pengenalan

*Pi Mai Pi Mai Tang Tu* bukan sahaja menjadi *trademark* malah telah meletakkan tanda-aras (bench-mark) untuk mengukur kejayaan pengkaryaan sitkom di negara ini sehingga kini (*The Star* 20 Ogos 2008). Keunggulannya dapat dilihat dengan serta merta pada kepopularannya. Sehingga kini sitkom ini masih memegang rekod sebagai sitkom televisyen paling lama disiarkan di negara ini, iaitu selama 15 tahun (1984-1999). Dalam pada itu, walaupun siri barunya sudah diberhentikan namun siaran ulangannya masih diadakan beberapa kali sehingga ke hari ini. Lebih penting lagi, ia dijemalkan dalam versi lain, seperti teater dan animasi. Misalnya, dalam bentuk teater, ia dipentaskan di Istana Budaya pada 24 November hingga 3 Disember 2006. Sambutan yang diberikan oleh pelbagai pihak sangat luar biasa. Semua tiket termasuk berharga RM150 habis dijual. Ini sesuatu yang jarang berlaku dalam pementasan teater Melayu.

Sehingga ke hari ini, siarannya dalam bentuk sitkom siri televisyen masih disebut-sebut oleh setiap genap lapisan masyarakat, bukan sahaja oleh generasi yang sezaman dengannya tetapi juga di kalangan anak-anak muda. Boleh dikatakan anak zaman sekarang membesar bersama sitkom ini. Lebih menarik lagi, walaupun dijemalkan dalam pelbagai versi baru namun kesemua persembahannya mengekalkan barisan dan imej pelakon asalnya. Watak dan perwatakan Zami Ismail, Sabri Yunus, Imuda, Khatijah Tan, Ahmad Busu, Sathia dan Angeline Tan, bersama beberapa lagi muka baru seperti Syahrizat Ahmad (Abon) dan Sulaiman Yassin (Mat Over) masih dipersembahkan dan sentiasa mendapat sambutan ramai.

Kelangsungan sitkom ini menjadikannya sebuah ikon. Seperti telah dinyatakan, ia bukan sahaja menjadi *trademark* malah telah meletakkan tanda-aras kepada pengkaryaan persembahan sehingga ke hari ini.

Pelbagai pandangan diberikan terhadapnya. Antaranya, ia dianggap sebuah sitkom terawal yang paling berjaya di Malaysia, sebuah sitkom yang benar-benar menonjolkan *1 Malaysia*, ataupun sekadar disebut “Sitkom televisyen yang paling lama bertahan di negara ini.”

Pada pandangan penulis, walaupun ia sebuah komedi namun sitkom ini lebih daripada itu. Ia telah mewujudkan senario baru dalam sitkom di negara ini. Amat besar kemungkinannya sitkom ini meninggalkan impak ke atas penerbitan sitkom-sitkom lain seperti *Santan Berlada*, *Salam Pantai Timur* (versi awal), *Kopitiam*, *Kopi O Kaw*.... Ini kerana kesemua sitkom ini meletakkan restoran atau kedai ataupun warung makan sebagai platform untuk orang berlepak dan buat lawak sambil membincangkan isu-isu semasa, menjolok kejemuan pada sesetengah pihak (Lihat juga *Berita Harian* 20 Mac 1998).

Penulis makalah turut terlibat dalam pementasan sitkom ini sejak dari awal, iaitu sebagai pengurusan pementasannya. Walaupun hanya memainkan peranan kecil di belakang tabir namun penulis mempunyai sedikit-sebanyak pengalaman untuk dikongsi bersama. Makalah ini merupakan catatan peribadi penulis yang berada di belakang tabir sejak ia dalam bentuk teater hingga divideokan menjadi siri televisyen selama 15 tahun secara berturut-turut. Penulis akan mengupas faktor-faktor kejayaan sitkom ini berasaskan pemerhatian-pengalaman sepanjang penglibatan beliau sebagai pengurus pentas. Kajian akan dibuat berlandaskan lima elemen utama penentu kejayaan sesebuah produksi televisyen iaitu pemilihan idea, pemilihan pelakon, kumpulan produksi, peralatan yang digunakan dan kepuasan penonton. Penekanan diberikan berlandaskan falsafah pengurusan pementasannya.

Selain daripada diasaskan pengalaman penulis sendiri yang memainkan peranan di bahagian pengurusan pentas, bahan penulisan makalah adalah diasaskan temu ramah dengan Othman Hafsham pada 23 September 2008.

## Penonton

Sitkom ini boleh dianggap sitkom Melayu pertama yang membuat masyarakat massa ternanti-nanti menunggu waktu dan hari tayangan. Secara umumnya, para penontonnya yang utama terdiri daripada golongan rendah dan sederhana. Ia ditonton secara santai oleh seisi keluarga. Anak-anak muda juga menontonnya secara bersendirian dan juga dalam kumpulan.

Pada pandangan penonton, kehebatan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* adalah terletak pada watak dan perwatakan pelakonnya. Ia bukan sahaja

kerana celoteh serta lakonan para pelakonnya yang bersahaja, selamba dan mencuit hati tetapi paparan kehidupan masyarakat yang ditampilkan hidup dan begitu realistik sekali. Sindiran yang tajam dan sinis juga menjadi tunggak kejayaan naskah ini. Pemaparan manusia biasa. Misalnya, Pak Busu (dilakonan oleh Mohamad Abdullah) adalah seorang ketua kampung yang tidak bertauliah tetapi disegani oleh masyarakat. Ini menyenangkan hati penonton. Demikian juga watak-watak lain.

Lazimnya pementasan teater pentas tidak mendapat sambutan di kalangan masyarakat umum. tetapi dapat merasakan sitkom ini mempunyai konsep yang jelas. Tetapi siaran sitkom ini telah mengubah masyarakat massa menjadi peminat pementasan teater pentas. Para penonton menjadi teruja apabila terdengar muzik pembukaan yang menjadi muzik temanya. Muzik itu telah berjaya menghambat penonton untuk duduk di hadapan televisyen menyaksikan aksi-aksi lelucon pelakon-pelakonnya menangani isu-isu yang ditimbulkan.

## Sejarah

Dapat diujahkan bahawa sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* merupakan penyambung nafas perkembangan teater yang sudah pun berkembang di negara ini sejak pertengahan 1970-an dan 1980-an. Pada dekad-dekad tersebut dunia teater menyaksikan, antaranya, kemunculan Ahmad Yatim, Rahim Razali, Noordin Hassan, Khalid Salleh, Abu Bakar Juah, Fatimah Abu Bakar, Sabariah Hitam, Hanim Malek, ND Lala, Jalil Hamid, Fauziah Nawi, M. Nasir, Husner Ahmad, Nasir Bilan Khan dan Ismail Yaacob. Penulis makalah ini sebahagian daripada perkembangan walaupun berada di belakang tabir pentas sebagai pengurusan pentas.

Dapat disaksi pada dekad-dekad tersebut orang teater begitu serius dan komited dalam bidang ini. Walaupun tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh tetapi para penggiat mampu membuat perancangan teratur sehingga pementasan dapat dijayakan dengan sempurna. Pada masa itu, orang teater berkumpul dan mementaskan karya mereka di Panggung Seni Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kompleks Panggung Negara (di tapak ASWARA sekarang), Panggung Eksperimen Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tempat yang paling utama ialah Kompleks Panggung Negara (di bawah Kementerian Kebudayaan dan Sukan).

Pada akhir 1980-an Kompleks Panggung Negara semacam ditutup. Ini kerana tidak semua orang teater bebas berkarya di situ. Semua kegiatan ditentukan oleh pihak pegawai Panggung Negara. Lama-kelamaan orang yang terlibat dalam teater menjadi kecil hati dan malas

berteater lagi. Ini menyebabkan orang teater bertempiran. Ini kerana orang-orang yang komited pada teater berasa berkecil hati sebab seolah-olah sumbangan mereka tidak dipedulikan.

Sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* muncul dalam situasi tersebut. Ia bermula dengan skrip teater yang ditulis Hatta Azad Khan bertajuk *N (T)*, disebut “anti,” pada tahun 1983 di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur. Pengarah pementasannya ialah Meor Hashim Manap. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan Bandaraya meminta tajuk tersebut ditukarkan kerana kuatir akan menimbulkan kontroversi. Hasil perbincangan antara Hatta Azad Khan dan pengarah Meor Hashim Manap dengan pihak berkenaan, tajuknya ditukar menjadi *Syy...*

Teater *Syy...* dipentaskan pertama kali di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 1983 oleh Grup Teater Kreatif yang diketuai oleh Meor Hashim Manap. Pementasan tersebut mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta syarikat Nestle Sdn. Bhd. Barisan pelakornya yang awal ialah Zami Ismail, Mohamad Abdullah, Wan Maimunah, Ahmad Busu, Abdul Rahim bin Muda (Imuda), Din Morgan, Bokhari dan Raja. Zami Ismail diberi watak Pak Uda, Mohamad Abdullah diberi watak Pak Busu, Wan Maimunah diberi watak Mak Usu, Ahmad Busu diberi watak Mat Deris, Abdul Rahim bin Muda (Imuda) diberi watak Budin, Din Morgan diberi watak Pegawai 1, Bokhari diberi watak Pegawai 2, dan Raja (India) diberi watak pekedai.

Sejarah perpindahan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* daripada teater kepada sitkom bermula dengan Othman Hafsham, iaitu penerbit Cinematic Sdn. Bhd. Beliau telah pun mempunyai reputasi dalam dunia perfileman namun sentiasa hadir dalam persembahan tetapi tersebut yang diadakan. Oleh kerana *Syyy...* begitu istimewa, beliau tertarik terhadap teater persembahan tersebut dan bercadang untuk menerbitkannya dalam bentuk siri dalam televisyen. Hafsham mendapatkan kebenaran daripada Hatta Azab Khan untuk mengadaptasinya dalam versi sitkom untuk siaran di RTM. Meor Hashim Manap diminta mengadoptasi skrip *Syyy...* Lokasi penggambaran awalnya dilakukan di Panggung Eksperimen (sekarang Panggung Seni) Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian *Syyy.....* kemudian bertukar nama *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* apabila siarannya beralih ke TV3. Meor Hashim Manap diminta sekali supaya mengadoptasi skrip *Syyy...* itu menjadi genesis kepada sitcom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*.

Seterusnya, Othman Hafsham mengumpul seberapa banyak skrip dan kemudian memilih hanya 13 untuk satu-satu musim iaitu untuk 13 episod bagi sesuatu musim. Tentunya yang dipilih oleh beliau itu merupakan yang terbaik dan relevan dengan konsep siri televisyen.

Dalam pada itu, sitkom ini tidak sunyi daripada dikritik. Misalnya, Meor Hashim Manap sendiri, iaitu antara perintisnya, menempelak sitcom ini yang disifatkannya sudah hilang matlamat dan arah tujuhnya. Ia dikatakan tidak konsisten dan semakin jauh menyimpang daripada sifat asalnya berbentuk komedi sindiran. Ada pihak menyokong pandangan Meor dan menyatakan siri itu “dah mula mengarut, banyak dialog yang `bising`, sedangkan lawaknya tak seberapa. Dulu, ada juga mengupas isu semasa dan kritikan sosial tetapi sekarang banyak melalut tidak tentu arah” (*Berita Harian* 19 Mac 1998).

Walau bagaimanapun, kritikan begini tidak menjejaskan kedudukan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* sebagai sebuah sitkom yang unggul. Ini dapat dilihat dengan membuat bandingan dengan sitkom-sitkom lain yang sezaman dengannya. Pada 1990-an terdapat begitu banyak sitkom tempatan lain, antaranya, *Tiara Point*, *Tok Moh*, *Baba & Nyonya*, *Wayang*, *Camni Camtu*, *Butik*, *Gula Melaka* dan *Tauke*. Kesemua sitkom ini dihentikan siarannya hanya dalam beberapa tahun kerana tidak memberi kesan kepada penonton dan sekali gus tidak ada penaja. Ruang “Kompang Pak Malau” dalam akhbar *Berita Harian* (19 Mac 1998, Puspasia) memberi komen berikut terhadap sitkom-sitkom lain pada tahun-tahun 1990-an itu:

Nak kata beri hiburan dengan unsur humor dan satiranya, tak juga sebab lawaknya basi, cerita tidak kelakar, dialog kurang sesuai, lakonan tidak berhemah dan stereotaip. *Tiara Point* pula, dah banyak tahun disiarkan tapi persembahannya macam tu juga. Memualkan. Gaya lakonan Hairie Othman sangat lemah sedangkan dia adalah watak utama. Hairie tidak sesuai untuk komedi sebab dia tidak memiliki ciri-ciri komedi, gaya lakonannya kaku dan dialognya lemah.

Lakonan Jalil Hamid dan Accapan baik tetapi apabila digabungkan dengan pelakon lain yang tidak sesuai termasuk Susan Lankester, sitcom ini jadi hancur! Setakat ini Pak Malau tidak pernah tengok sampai habis *Tiara Point* sebab sakit hati apabila pelakonnya seperti dipaksa-paksa buat lawak tapi tak menjadi. Lakonan mereka tidak natural. Pernah Pak Malau gagahkan diri untuk tengok sampai habis tapi ‘sakit jiwa’ dibuatnya.

Begitu juga *Baba & Nyonya*, komedi ini rasanya perlu dihentikan. Motif sitcom ini mungkin menunjukkan simbolik masyarakat muhibah di Melaka tetapi isinya dangkal, gaya lakonan hambar. Dialognya juga banyak yang ‘bising’. Rasa Pak Malau, tak ramai yang tengok *Baba & Nyonya* sebab tidak ada tarikannya. Dah banyak tahun ditayangkan tapi persembahannya masih macam tu juga. Cuba-cubalah buat pembaharuan. Sitcom Senario menarik tetapi sekadar suka-suka saja. Mesejnya kabur.

Memang ramai yang suka tetapi janganlah pelakonnya kadang-kadang seperti syok sendiri. Pelakonnya juga janganlah ghairah sangat dengan watak

wanita. Cara lain juga boleh jadi kelakar. Peliknya, sitcom import seperti *Cheers*, *Friends* atau *Mad About You* walaupun ringkas tetapi menarik sebab mereka teliti segala-galanya. Bukan cincai.

Kata orang, tak mainlah lawak bodoh!

Penulis yang sama memberi komen sebaliknya terhadap *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Dalam ruang tersebut dinyatakan: “*Pi Mai Pi Mai Tang Tu* sebenarnya masih ada kekuatan kerana kombinasi pelakon yang mantap tetapi topik dan dialognya perlu dibaiki semula. Ia tidak konsisten dan semakin jauh menyimpang, bukan lagi komedi sindiran bermutu. Ada ketikanya cukup menarik dan pada hari tertentu seperti tenggelam punca. Pak Malau harap, penerbit, pengarah dan penulis skripnya memperbetul kelemahan yang ada.”

Seperti telah dinyatakan, *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* terus disiarkan sehingga tahun 1999. Pemberhentian siri sitkom ini dalam TV3 bukanlah kerana *rating* penontonannya merosot tetapi oleh faktor politik pada masa tersebut. Malah, ia terus dilangsungkan dalam versi lain iaitu pementasan, termasuk di Istana Budaya (2006), dan dalam bentuk animasi.

## Penulis Skrip

Banyak pihak beranggapan sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* sebagai sebuah persembahan secara improvatif, iaitu tidak mempunyai skrip; pihak pengarahannya hanya memberi cerita pokok dan para pelakornya mereka-reka sendiri lakonan dan dialog secara spontan. Pandangan begini adalah meleset. Bertentangan dengan tanggapan ini, sesungguhnya kekuatan sitkom ini adalah terletak skripnya. Malah, ia bermula dengan skrip.

Berdasarkan pengalaman penulis sendiri, selain daripada skripnya begitu kuat, faktor lain kejayaan sitkom ini ialah kerana para pelakornya yang berbakat, serius dalam melakukan latihan dan perhubungan sesama mereka mempunyai *chemistry*. Sebelum mengadakan sesuatu persembahan, mereka mengadakan latihan dengan begitu serius dan berterusan. Latihan diadakan selama dua minggu untuk setiap empat episod.

Daripada segi skrip, Hatta Azab Khan telah berjaya mengungkap sebuah kisah benar sekumpulan masyarakat yang hidup di pinggir kota raya yang ingin bersaing dengan masyarakat kota yang lain. Walaupun senario biasa namun kerana bakat beliau yang luar biasa telah menjadi salah satu faktor utama kejayaan siri sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*

mendapatkan sambutan ramai. Kemudian skrip sitkom ini ditulis oleh beberapa orang penulis lain, Antaranya ialah Adibah Amin, Zakaria Ariffin, Johan Jaafar, Sujiah Salleh, Zulkefli Said dan Jefri Talib. Mereka ini juga penulis skrip teater cukup berbakat dan terkenal di tanah air. Mereka juga mempunyai keupayaan bakat untuk menggarapkan isu-isu yang berkait rapat keadaan semasa yang menjadi isu rakyat.

## Idea

*Pi Mai Pi Mai Tang Tu* boleh dianggap sebuah *parody* dan sebahagian daripada persembahannya adalah satira yang dibawa ke hadapan masyarakat massa moden yang mengalami urbanisasi dan pelbagai warna-warni kehidupan dan manusia. Antara isu-isu yang digarapkan dalam siri siarannya ialah: 1) Perkahwinan, 2) Merdeka, 3) Bola, 4) Hari Raya Puasa, 5) Hari Raya Korban, 6) Tahun Baru Cina, 7) Deepavali, 8) Hari Pekerja, 9) Hari Angkatan Tentera, 10) Saman menyaman, 11) Cari kerja, 12) Memikat gadis, 13) Barang antik, 14) Puasa, 15) Tahun Melawat Malaysia, 16) Kawin campur, 17) Bahasa, 18) Komunikasi, 19) Kepimpinan, 20) Pendidikan moral, 21) Etika, 22) Maruah dan 23) Cemburu.

Selain daripada di atas, banyak lagi isu yang bersesuaian dengan sesuatu masa dan musim. Ini termasuk isu-isu hangat yang diperkatakan pada masa siri itu dikeudarkan. Sitkom ini boleh dianggap berjaya menyentuh perasaan masyarakat massa. Ia memaparkan realiti sebenarnya rakyat tidak menuntut banyak perkara daripada kerajaan selain daripada keperluan asas seperti rumah yang sempurna serta hak yang perlu diperolehi oleh masyarakat kota khususnya dan sebagai rakyat amnya.

Cerita awal sitkom ini memaparkan perasaan gembira penduduk tempat rangka tersebut menyambut kedatangan Datuk Kotaraya. Kemudian telah bertukar menjadi marah apabila hanya wakilnya yang tiba. Cerita melambangkan rakyat jelata tidak begitu diperdulikan oleh pihak atasan.

Ada dua punca utama yang menyumbang idea dalam sitkom ini. Pertama, para penulis skrip itu sendiri. Mereka merupakan manusia yang memiliki keupayaan bakat yang benar-benar besar dalam *genre parody* dan satira masyarakat massa urban-modern ini. Bakat mereka termasuk berupaya membuat renungan mendalam terhadap kehidupan masyarakat tersebut dan menggarapkannya dalam skrip yang mantap. Selain daripada Hatta Azab Khan, para penulis lain dipilih khas oleh penerbitnya iaitu Othman Hafsham. Beliau meminta para penulis berkenaan dengan



menulis mengenai isu semasa yang terhangat diperkatakan. Kedua, idea sesuatu siri diberikan oleh pihak setesen televisyen. Ini bagi memenuhi slot khas untuk tayangan seperti untuk slot bulan merdeka dan hari-hari perayaan di Malaysia.

Pencetusan idea pengangkutan sitkom ini lebih banyak dipandu oleh kehendak citarasa masyarakat masyarakat massa. Para penulisnya memahami bahawa masyarakat massa lebih mengutamakan matlamat untuk berhibur. Tetapi masa sama membawa pemikiran tentang isu-isu yang amat berkait rapat dengan penonton sendiri.

Semasa dalam latihan dan persembahan sebenar, para pelakon juga turut terlibat dalam memberi idea dalam sitkom itu. Pihak penerbit bersikap telus untuk menerima pandangan mereka.

Sepanjang sirinya, *setting* sitkom ini adalah sebuah kampung setingan, iaitu Kampung Seri Wangi, di pinggir kota raya Kuala Lumpur. Ceritanya pula adalah mengenai masyarakat setingan yang menagih pembangunan dan akhirnya ditipu oleh janji palsu yang telah menghampakan masyarakat tersebut. Kemudian *setting*nya berubah ke Flat Seri Wangi.

## Pelakon

Antara pelakon utama yang berterusan menjayakan sitkom ini ialah ialah Zami Ismail, Imuda, Ahmad Busu, Khatijah Tan, Sabri Yunus, Sathia, Angeline Tan (Lucy), Sulaiman Yassin (Mat Over) dan Marlia Musa.

Pelakon sitkom ini juga terdiri dari berbagai bangsa seperti Sathiya sebagai Ravi pemilik kedai belajar memandu dan Angeline Tan sebagai Lucy tuan punya kedai gunting rambut telah berjaya menambat hati penonton daripada kalangan bukan Melayu. Manakala Angeline Tan juga telah berjaya menjadi penyeri di dalam siri tersebut. Wajahnya yang ayu dan kelinciahannya telah membuat sesiapa yang menontonnya akan terpegun.

Hafsham mengekalkan hampir kesemua pelakon utama yang telah menjayakan teater *Syy..* yang telah dibentuk oleh Meor Hashim Manap. Oleh kerana telah berjalan begitu baik maka Hafsham tidak perlu lagi bersusah payah membentuk watak, cuma hanya meneruskan dan mengawal mereka. Mereka yang rata-rata terdiri dari pelakon-pelakon yang berpengalaman dalam bidang teater dan pernah juga berlakon di televisyen tidak langsung menghadapi masalah membawa dan mengekalkan watak mereka masing-masing.

## Watak dan Perwatakan

Zami Ismail yang bermula dari pentas bangsawan telah berjaya membawakan watak Pak Uda seorang pengawal keselamatan yang tinggal di kampung tersebut. Cepat naik angin dan selalu dipermainkan oleh Budin dan Mat Deris. Beliau adalah seorang duda pada awalnya.

Pak Busu watak yang dilakonkan oleh Mohamad Abdullah ialah seorang ketua kampung yang tidak bertauliah tetapi disegani oleh masyarakat. Beliaulah yang selalu menenangkan suasana yang selalu hangat bila timbulnya sesuatu isu. Mohamad Abdullah selain pelakon juga adalah seorang pengajar teater kanak-kanak.

Ahmad Busu yang memegang watak Mat Deris adalah seorang pelakon teater dari Kumpulan Anak Alam dan juga pelakon televisyen. Watak Mat Deris seorang pekerja buruh di Majlis Kotaraya adalah seorang wakil pemuda yang ingin mengubah nasib dengan belajar malam dan ingin menguasai bahasa inggeris sebagai bahasa kedua.

Abdul Rahim Muda dan Imuda memegang watak Budin adalah seorang pelakon teater dari Kumpulan Teater Dewan Bahasa dan Pustaka. Budin adalah seorang penganggur yang hanya tahu melepak di kedai Maidin. Mak Usu iaitu isteri kepada Pak Busu, watak yang dipegang oleh Wan Maimunah adalah seorang isteri yang sentiasa memberi sokongan kepada suaminya. Wan Maimunah juga adalah seorang pelakon teater dan televisyen yang berkalibar sehingga ke hari ini.

Setelah beberapa tahun dimulakan, pengarah serta penerbit siri ini menukar dan menambah watak yang difikirkan sesuai pada kehendak cerita dan masa. Dengan itu lahirlah watak Lucy (lakonan Angeline Tan), Ravi (Sathiya), Abon (Shahrizat Ahmad), Wan Ismail Golok (Sabri Yunus), Ana (Marlia Musa) dan Mat Over (Sulaiman Yasin). Di samping itu, dimasukkan juga beberapa pelakon tambahan dari semasa ke semasa dalam sesuatu siri itu yang terdiri daripada pelakon, penyanyi, selebriti, bintang sukan dan bintang televisyen. Ini adalah untuk menyerikan siri berkenaan.

Kenyataan-kenyataan ini menunjukkan para pengkarya sitkom ini lebih banyak membina perwatakan. Oleh itu, mereka mempunyai karektor tersendiri. Karektor yang dibina itu menjadikan siri ini telah melahirkan ramai pelakon yang terkenal sehingga sekarang. Banyak siri sitkom televisyen dan filem menggunakan watak-watak sitkom ini.

## Peralatan

Selain tenaga mahir, Hafsham juga telah dapat menyewa peralatan rakaman termasuk peralatan pencahayaan dan bunyi dari syarikat yang mahir di dalam menyediakan peralatan rakaman luar.

Disamping cerita, pengarah pelakon serta isu yang diketengahkan, set bagi sitcom ini telah memainkan peranan penting untuk mengekalkan kepopularannya selama lima belas tahun. Bermula dari set di suatu di sebuah perkampungan setingan di pinggir kotaraya dengan menggunakan tajuk *Syy...* Kemudian beralih ke set kawasan rumah panjang dengan menggunakan tajuk “Kampung Seri Wangi”.

Apabila berpindah ke flat barulah sitcom ini menukar tajuk “Pi ai Pi Mai Tang Tu” dan isu-isu yang diketengahkan juga turut melalui arus kemodenan dan terkini. Walau bagaimanapun, isu-isu yang diketengahkan masih lagi berkisar di dalam masyarakat sederhana yang sering berusaha untuk mengubah nasib yang lebih baik.

### Tim Produksi Dan Rumah Produksi (*Production House*)

Othman Hafsham dapat dianggap seorang pengarah kelas-pertama di negara ini. Sebagai sebuah rumah produksi (*production house*) yang ditunjangi oleh seorang yang berpengalaman di dalam bidang teater, filem dan televisyen, Othman Hafsham telah berjaya menyediakan satu kumpulan produksi yang kreatif dan berinovatif. Ini jelas dengan Hafsham yang juga bertindak sebagai pengarah siri ini. Beliau dengan pengalaman yang ada telah berjaya menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengarah. Sebenarnya bukan semua pengarah boleh mengarahkan siri komedi jika tiada sentuhan komedi di dalam diri mereka. Tugas ini dilangsungkan dengan memilih Zulkefli Said dan kemudian digalas pula oleh Jefri Talib, dua orang pengarah muda yang berpotensi menjadi pengarah terkemuka di masa hadapan.

Disiplin yang dibentuk semasa latihan sehingga rakaman adalah penentu utama kejayaan siri ini. Bukan mudah untuk mengumpulkan artis pada satu-satu masa untuk tujuan latihan selama dua minggu kerana rata-rata pelakon kita di Malaysia ini perlu membuat dua atau tiga kerja di dalam satu masa. Tetapi Hafsham masih tetap dengan disiplin yang ada di mana beliau akan tetap meneruskan latihan walaupun hanya seorang pelakon yang hadir pada satu-satu latihan. Berpegang pada prinsip sentiasa menepati masa, beliau akan memulakan latihan pada masa yang ditetapkan walaupun tanpa kehadiran semua pelakon.

Selain itu, Hafsham juga dibantu oleh pekerja yang begitu komited dengan tugas mereka tanpa mengira waktu dan tenaga. Pada peringkat awalnya, Hafsham telah dibantu oleh tenaga-tenaga mahir daripada pelbagai stesyen televisyen baik jurukameranya, pembantu skripnya, piñata cahayanya, jurusoleknya, penata bunyinya, pereka setnya dan ramai lagi yang sanggup membantu bagi menghasilkan produk yang terbaik. Untuk lagu temanya, Freddie Fernandez dan Justin Leo telah bergabung menghasilkan lagu yang begitu sinonim dengan siri itu.

## Faktor Rahasia Kejayaan

Berdasarkan pengalaman, dapat diujahkan bahawa faktor sebenar kejayaan sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* adalah kualiti manusia yang terlibat di dalamnya. Seperti telah dinyatakan, kejayaannya itu adalah terletak pada faktor bakat yang ada pada individu yang terlibat di dalamnya, walaupun faktor perancangan juga penting. Kejayaan adalah kerana berlaku gabungan tokoh-tokoh berbakat dan mempunyai reputasi. Antara tokoh penting dalam pengkaryaan sitkom ini ialah Hattad Azad Khan, Meor Hashim Manap dan Othman Hafsham.

## Hatta Azad Khan

Hatta Azad Khan adalah seorang ahli akademik. Beliau mempunyai kerjaya tetap, bermula sebagai pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, kemudian menjadi dekan Fakulti Pengurusan Seni di Universiti Malaysia Sarawak dan sekarang Profesor dan Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik di UiTM. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang pengarah dan sinografi di Amerika dan pengajian filem di Australia. Selain mengajar, beliau menulis skrip drama, muzikal, filem careka dan dokumentari dan sitcom televisyen. Beliau turut mengarah produksi pentas, televisyen dan filem. Di samping menerima pelbagai anugerah utama dalam pelbagai kategori di peringkat nasional, beliau merupakan salah seorang penerimaan anugerah di peringkat antarabangsa.

Beliau telah berkecimpung dalam penulisan skrip teater sejak pertengahan tahun 1970-an lagi. Teater awal beliau adalah bersifat eksperimental dan absurd. Antaranya karya beliau itu ialah “Patung-patung”, “Kerusi” dan “Mayat.” Teater-teater ini menerima hadiah utama. Pada 1980-an beliau berpindah kepada bentuk drama realisme, iaitu

menggunakan dialog harian yang biasa diucapkan oleh masyarakat umum. Antaranya, “Stesen”, “Syy...” dan “Nasib.”

### Meor Hashim Manap

Meor Hashim Manap merupakan salah seorang perintis sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* ialah Meor Hashim Manap. Beliau mulai serius dengan teater di bawah asuhan Mustafa Noor (Allahyarham) dan Shuhaimi Baba. Beliau mengadoptasi skrip *Syy...* menjadi genesis kepada sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dan berjaya menggarap dan mengupas isu semasa dan kritikan sosial.

### Othman Hafsham

Othman Hafsham pernah berkerja di setesen RTM. Beliau merupakan seorang yang telah pun aktif dalam pengeluaran filem sejak 1970-an. Antaranya, filem bertajuk *Adik Manja* (1970-an) dan *Mekanik* (1980-an). Beliau menghasilkan banyak filem bermutu, bermula dari *Adik Manja*, *Mekanik*, *Driving School*, *Rahsia* dan *Ujang*. Selain *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, beliau menerbitkan juga beberapa buah sitkom lain seperti *2+1.com.my*. Beliau masih aktif hinggak sekarang. Beliau mengeluarkan filem *Soal Hati*.

### Pengurusan

Pada pandangan penulis yang berada di belakang tabir pengurusan pentas sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, dapat dirumuskan bahawa kejayaan dalam penerbitan sesebuah pementasan, baik teater, sitkom dan filem, amat terletak pada faktor individu yang terlibat di dalamnya. Memang tidak dinafikan faktor perancangan amat diperlukan. Walau bagaimanapun, saya berani menyatakan bahawa walaupun perlu namun hanya 10 peratus kejayaan terletak pada perancangan, sebaliknya 90 peratus lagi adalah terletak faktor individu dalam semua peringkat, dari peringkat paling atas hingga paling bawah. Dapat ditegaskan bahawa kejayaan hanya tercapai apabila semua individu yang terlibat komited. Dengan komitmen yang mendalam di kalangan semua pihak itu, perancangan berjalan sendiri, seolah-olah perjalanan persembahan tersebut tidak dirancang. Maksud saya persembahan itu akan berjalan

sendiri tanpa perlu disuruh kerana semua orang mengetahui tugas dan peranan masing-masing.

Pada teorinya, perancangan dan persediaan mempersembahkan sebuah teater adalah asas utama kejayaan siri ini. Namun perancangan dan persediaan itu hanya boleh berjalan hanya apabila wujudnya kerjasama yang baik antara pelakon, pengarah dan penerbit. Dalam kes sitkom *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, walaupun menggunakan kamera, pelakon masih mengambil pendekatan teater di mana mereka tidak akan lupa memulakan rakaman dengan membaca doa terlebih dahulu.

Selain itu, latihan selama dua minggu untuk setiap empat episod adalah mencukupi untuk memantapkan lakonan mereka sehingga ada yang mengatakan mereka tidak ada skrip sedangkan ada pelakon yang boleh melahirkan dialog yang diberi tanpa meninggalkan satu dialog pun. Jika ada pelakon yang lupa dialog, mereka akan cuba membantu tanpa disedari oleh penonton yang datang menonton di setiap sesi latihan penuh dengan kamera dan rakaman yang dibuat secara langsung di hadapan penonton. Pengalaman berlakon di pentas telah membantu pelakon membuat improvisasi kerana rakaman yang dibuat secara langsung di hadapan penonton bakal mendapat reaksi spontan.

Lantaran inilah barangkali banyak pihak beranggapan sitkom ini satu persembahan secara improvisatif. Orang-orang yang menganggap sitkom ini sebuah persembahan improvisatif kerana para pelakon kelihatan mengeluarkan dialog secara spontan.

Jelasnya, kejayaan sitkom ini adalah terletak pada falsafah pengurusannya yang praktis dan strategik. Agak sukar mencari pengurusan pementasan. Namun seperti telah dijelaskan, apa pun perancangan diadakan namun kejayaan menghasilkan pementasan yang baik sebenarnya terletak pada falsafah pengurusan yang diamalkan.

## Falsafah Pengurusan

Daripada segi pengurusan sitkom ini, fokus haruslah terhadap Othman Hafsham. Ini kerana kejayaan tersebut bertitik-tolak daripada falsafah pengurusan yang diamalkan oleh beliau. Antara falsafah pengurusan Othman Hafsham adalah seperti berikut:

- 1) Telus:  
Beliau sentiasa berada di lokasi semasa membuat rakaman. Beliau sentiasa mendengar pandangan yang diberikan oleh pelbagai pihak. Ini termasuk bukan sahaja daripada para pelakon tetapi juga petugas di bahagian pengurusan pementasan.

- 2) Tulus dan menjaga kebajikan orang-orang yang terlibat dalam produksinya:  
Contohnya, beliau sering memberi elaun bulanan RM500 kepada para artis veteran. Beliau berpegang pada prinsip seseorang itu harus sedia “bagi balik” bila ada kelebihan. Imuda (salah seorang pelakon utama *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*) yang mengidap sakit buah pinggang, beliau memberi elaun bulanan tetap selagi syarikatnya masih beroperasi. Beliau juga memberi bayaran yang tinggi kepada para penglibat dalam produksi beliau. Menurut beliau, “Artis kita perlu dididik dan didedahkan dengan sikap ini. Pelakon yang baik dan sebulan berlakon boleh mendapat bayaran lebih RM10,000 sebulan. Akibat daripada itu, ada pihak yang mendakwa beliau “spoil the market” kerana memberi bayaran tinggi kepada para pelakonnya berbanding dengan penerbit lain.
- 3) Setia kawan dan bersifat kekeluargaan:  
Sampai sekarang Othman Hafsham tetap bersama dengan orang-orang yang pernah menjayakan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* pada masa 20 tahun dahulu. Contohnya dalam penerbitan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* muzikal pada tahun 2006 itu, beliau mengambil hampir kesemua pelakon asalnya.
- 4) Menghargai pemikiran orang lain:  
Othman Hafsham beranggapan pada prinsip industri perfileman memerlukan orang yang bijak pandai dan kreatif. Beliau sentiasa menganggap Hatta Azab Khan sebagai pengarah dan penulis skrip asal sitkom popular itu. Dalam penerbitan muzikal *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* beliau menyatakan “idea untuk mengembalikan kegemilangan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* di dalam bentuk muzikal memang sudah lama dirancang bersama penulis skripnya, Dr Hatta Azad Khan.”
- 5) Memberi peluang kepada orang lain untuk memajukan diri sendiri:  
Menurut “itulah yang saya amalkan dalam *production house* saya. Lihatlah pelakon-pelakon yang bersama saya... sebagai contoh pelakon dalam *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*.” Beliau bukan sahaja seorang yang bergembira melihat orang lain berjaya malah mendorong orang lain mengembangkan bakat. Ini menjadikan timbul rasa komited di kalangan pelbagai penglibat dalam pementasan beliau. Mereka menjadi tulus ikhlas berkerja dalam produksi beliau.

- 6) Yakin terhadap bakat dan kebolehan anak watan sendiri:  
Menurut beliau, “Saya rasa akan ada anak-anak Melayu kita sendiri menyedari keadaan ini (keadaan filem Melayu), dan mahukan perubahan. Kita lihat contoh anak muda Melayu yang buat iklan Petronas... iklan orang Arab naik kuda kejar kereta orang Malaysia di padang pasir. Begitu juga Yasmin Ahmad, yang melahirkan filem iklan yang mengabungkan masyarakat majmuk.” Di sebalik kebolehan anak watan itu timbul rahasia lain di kalangan para penglibat dalam sitkom ini, dari penulis skrip hingga ke pelakon, iaitu timbul perasaan mempertahankan identiti “tersendiri.” Apabila timbul perasaan inilah yang membuat *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* diterima umum sebagai sesuatu yang unik kerana mempunyai jati diri sendiri.
- 7) Menghormati penonton sebagai suatu aset utama:  
Beliau tidak pernah menyalahkan penonton. Ke mana-mana beliau pergi beliau akan menanya adakah mereka menonton filem Melayu. Menurut beliau “Saya pernah dijemput oleh sebuah universiti untuk beri ceramah... saya tanya seorang pelajar adakah awak tengok filem melayu ...dia jawab tidak...saya tanya kenapa...dia jawab tak ada *standard*...” Menurut beliau “sebab-sebab beginilah filem Melayu tak ada *standard*.”
- 8) Percaya pada amalan berjimat cermat:  
Menurut beliau, “Keselesaan itu bergantung pada kita. Kalau kita dapat RM10 maka kita belanja RM5 saja, lagi RM5 kita simpan. Kita jangan buat bila dapat pendapatan RM10 kita belanja RM20 itu habislah.” Beliau sentiasa menasihatkan para pelakonnya perlu tahu hendak mengawal diri dari boros berbelanja. Merupakan beliau, “mereka perlu tahu bidang kewangan, mereka mesti *budget* kerana pada pendapat saya, kita tidak akan cukup dengan berapa banyak yang kita dapat.” Menurut beliau lagi, “Itu kita kena lihat pada artis itu sendiri, iaitu bagaimana seseorang itu berusaha. Kita lihat Datuk Yusof Haslam, bagaimana ia bermula dan atas ketekunannya, prihatin terhadap perbelanjaan filemnya maka dia menempah kejayaan. Dia ketatkan sikit duitnya, dia tak *enjoy*.”
- 9) Sentiasa sedar pasaran teater dan filem Melayu terhad:  
Beliau menyedari bahawa dunia filem Melayu mempunyai pecahan penontonnya, Menurut beliau, “orang atasan tidak mahu tonton filem Melayu. Begitu juga graduan universiti. Golongan yang menonton filem adalah pekerja am, *office boy* dan minah kilang.”



- 10) Percaya terhadap konsep *multi-racial society* sebagai satu aset: Menurut beliau “Filem kita kena buat perubahan, jangan kita buat bentuk Melayu semata-mata, kita kena tukar identitinya, kita buat filem Malaysia.” Menurut beliau, “Kita mengharapkan orang bukan Melayu menonton filem Malaysia. Raya rasa inilah cara yang dapat membuat pasaran filem Melayu menjadi jadi luas.”
- 11) Menyintai sungguh-sungguh dunia perfileman Melayu. Menurut beliau, “Kita tidak boleh ketepikan filem Melayu. Kita tidak mahu semua orang buat filem Malaysia dan tidak meninggalkan filem Melayu.”
- 13) Berpegang pada prinsip nilai seni dan nilai komersial harus diadunkan sekali. Beliau tidak pernah menolak sama sekali nilai komersial dalam pengkaryaan. Beliau memberi ulasan, “Di Amerika, para pemikir filem telah mencampurkan filem yang mempunyai nilai- nilai komersial *value* dan *art*.”
- 14) Benar-benar memahami senario pengkaryaan tetapi dan filem Melayu secara menyeluruh, baik dari sudut penghasilan karya mahupun penonton. Pelbagai kenyataan di atas adalah membayangkan falsafah beliau ini. Daripada segi, menurut beliau, “penonton, apabila mereka keluar dari panggung, mereka tidak akan cerita soal pengarah, lakonan tapi mereka akan bercakap soal cerita. Pengisian adalah penting. Lepas itulah baru mereka akan bercakap pasal pengarah, pelakon dan sebagainya. Contohnya di India, penerbit filem akan mendapatkan maklum balas penonton selepas menonton... sekiranya mereka dapat tahu penonton kecewa kerana dalam filem itu heronya mati...dalam filem akan datang mereka terus ubah agar hero tidak mati.” Menurut beliau lagi, “Sebenarnya terdapat banyak ‘duit’ dibidang ini, kita ambil contoh di Amerika.Di sini setakat ini *you can make a living*, tetapi tidak lumayan.”
- 15) Sangat percaya terhadap skrip yang baik: Menurut beliau, “Sekiranya kita hendakkan penonton kita lebih besar lagi...caranya penonton bukan Melayu perlu ditarik menonton, jadi kita perlukan penulis cerita yang ada ‘otak yang baik.’”

- 16) Percaya hanya kerja keras dan tekun yang dapat membawa kejayaan.

Ini membawa berlakunya pengabdian diri dalam dunia pengarahan dan pementasan. Beliau menyebut, “Dalam negara kita, syarikat kecil susah untuk membangun... ia berbeza sekali dengan syarikat kecil di Barat... kerja keras mereka boleh jadi syarikat yang berjaya.” Beliau tidak melakukan kerja sekadar melepas batuk di tangga. Menurut beliau mengolah skrip *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* bukanlah satu kerja yang senang. Demikian juga semasa pementasan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dalam bentuk muzikal pada tahun 2006. Beliau menyatakan, “ia memerlukan ketekunan. Sudah lama saya berbincang dengan Dr Hatta, dekat 10 tahun untuk pentaskan *Pi Mai Pi Mai* dalam bentuk muzikal. Harapan saya agar lebih ramai generasi baru dan lama boleh menonton muzikal ini. Menurut beliau, “ia sesuatu yang memenatkan tetapi seronok. Saya anggap ia satu cabaran.”

## Kesimpulan

Sehingga kini *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* sifat pementasan teater. Ia telah menjadi sitkom yang unggul sejak ia dikeluarkan kerana sejak daripada awal lagi ia digerakkan oleh para penglibat berbakat dalam kesemua segi pementasan. Dapat ditegaskan bahawa kejayaan sitkom ini adalah kerana para penglibatnya di setiap persembahan adalah manusia-manusia berbakat. Bermula daripada situlah menjadikan mereka berdisiplin, dedikasi, tekun dan komited. Kejayaan sitkom ini kerana mendapat komitmen yang baik dari seluruh tenaga produksi. Seluruh anggotanya, dari peringkat atas hingga di peringkat bawah, begitu akrab dan hubungan mereka mempunyai *chemistry*. Ini ketara sekali di kalangan pelakornya hinggalah kombinasi pelakornya yang mantap itu ditanggapi oleh para pemerhati sebagai persembahan secara improvisatif. Di samping itu, kekuatannya terletak pada tema, topik dan dialognya. Secara keseluruhannya, sitkom ini dapat bertahan begitu lama dan menjadikan *land-mark* kepada genre persembahan sehingga ke hari ini adalah kerana selain mengengahkan isu-isu yang menarik, ia dibarisi barisan pelakon yang begitu mantap. Ini ditambah dengan bimbingan pengarah yang mengamalkan falsafah pementasan seperti digalurkan di atas. Falsafah ini menjadi asas terbinanya sentuhan komedi yang berdisiplin dan kreatif. Dapat ditegaskan bahawa faktor kejayaan teater ini terletak pada naskah skripnya yang begitu menarik yang telah dihasilkan oleh penulis yang

telah berjaya membongkar kisah segelintir masyarakat kita yang menghuni kampung setingan dalam bentuk humor dan dibantu oleh pengarah yang begitu baik serta didukung oleh pelakon-pelakon yang begitu berkaliber di dalam bidang teater di ketika itu sehingga ke hari ini. Dengan kejayaan maka pengurusan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dapat dijadikan contoh tentang bagaimana untuk mengurus pementasan yang baik.

## Rujukan

*Berita Harian* 19 Mac 1998.

*Berita Harian* 20 Mac 1998.

*The Star* 20 Ogos 2008.

INFORMAN:

Temubual dengan Othman Hafsham pada 23 Mei 2009.